

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.2 (4)

4 Oktober 2022
7 Rabiulawal 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 37/2022

**Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia**

PERMOHONAN JAWATAN PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa akan wujud kekosongan bagi jawatan Pentadbir Akademik seperti butiran berikut:

i. Pengetua Kolej Kediaman

2. Mengikut kaedah baharu yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Universiti, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Kriteria pemilihan bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- (i) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta dihormati. Ahli akademik yang mempunyai kelayakan PhD atau Prof. Madya adalah digalakkan untuk memohon.
- (ii) Pengalaman sebagai pengetua, felo kolej atau pernah terlibat dengan aktiviti pelajar samada di peringkat kolej, fakulti, Universiti, Negeri atau Negara boleh membantu untuk dipertimbangkan ke jawatan ini.
- (iii) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi khususnya mengenai Pembangunan dan Sahsiah Pelajar.
- (iv) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya dan sanggup mengikuti program dan aktiviti pelajar yang mungkin melibatkan diri tanpa mengira masa.
- (v) Mempunyai perwatakan yang dinamik dan bertanggungjawab serta komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara.
- (vi) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah khususnya dalam pengurusan pelajar.

- (vii) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan kolej, Universiti dan pendidikan tinggi Negara secara keseluruhannya bersesuaian kolej sebagai Pusat Pembelajaran.
4. Sehubungan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat **sebelum 13 Oktober 2022** untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.
5. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- (i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan terkini;
 - (ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - (iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti;
 - (iv) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan/ Pencalonan Jawatan Pentadbir Akademik (PP/PA/SC/2016-1) yang boleh dimuat turun melalui <http://registrar.utm.my/governan/pentadbir-akademik/>.
6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada **Timbalan Pendaftar, Pejabat Pentadbiran (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru** sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan di atas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah